

Bahan Tanaman Koko

Nota

Nilai atau indeks buah adalah bilangan buah koko yang diperlukan untuk menghasilkan satu kilogram biji koko kering.

Bahan tanaman merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam mempengaruhi produktiviti tanaman koko. Terdapat dua jenis bahan tanaman utama bagi koko iaitu jenis hibrid (kacukan) dan klon (tampang). Pemilihan sesuatu jenis bahan tanaman yang baik perlu mempertimbangkan kriteria-kriteria seperti yang berikut : hasil yang tinggi dengan sekurang-kurangnya 1.5 tan/ha/tahun, bilangan buah yang banyak, kualiti yang baik dengan purata berat biji kering yang besar dan seragam, nilai/indeks buah yang rendah, kandungan lemak koko yang tinggi, perisa koko yang baik dan berkualiti serta mempunyai daya ketahanan yang baik terhadap serangan serangga perosak dan penyakit tanaman koko. Terdapat juga ciri-ciri tambahan yang menjadikan sesuatu bahan tanaman itu khusus dan lebih bernilai seperti mempunyai ketahanan terhadap persekitaran yang melampau serta boleh ditanam di pelbagai kawasan dan keadaan iklim. Berikut adalah beberapa jenis bahan tanaman klon yang sesuai dan disyorkan di Malaysia untuk penanaman koko.



KLON	KKM 22	MCBC 1	PCB 123	QH 1003	MCBC 8	BR 25	KKM 4	MCBC 10	MCBC 9	PBC 139
HASIL										
Potensi hasil biji kering (tan/ha/tahun)*	2.42	3.59	1.45	2.03	3.51	2.69	2.04	4.63	3.76	2.25
Biji kering (kg/pokok/tahun)	2.01	3.23	1.31	1.83	3.16	2.42	2.10	4.16	3.39	2.03
Bilangan buah/pokok/tahun	48	62	30	46	54	60	52	92	82	39
CIRI BUAH DAN BIJI										
Indeks buah	24.0	19.2	23.0	24.9	17.1	25.0	25.0	22.1	24.1	19.3
Berat biji kering (g)	1.09	1.30	1.04	1.36	1.50	1.00	1.06	1.18	1.29	1.18
Bilangan biji per buah	38	35	42	31	40	40	38	35	33	44
Kandungan lemak (%)	57	56	53	53	55	45	54	55	51	57
KESERASIAN	Tidak serasi	Tidak serasi	Serasi	Tidak serasi	Serasi	Serasi	Tidak serasi	Tidak serasi	Tidak serasi	Serasi

* Berdasarkan kepada data tanaman 1,111 pokok sehektar

Nota : Walaupun terdapat pelbagai pilihan bahan tanaman klon, kualiti dan produktiviti sesuatu jenis klon tetap dipengaruhi oleh keadaan persekitaran tempat ianya ditanam selain baka koko itu sendiri. Oleh itu, keputusan untuk menanam sesuatu jenis bahan tanaman klon perlu mempertimbangkan elemen - elemen seperti keadaan dan jenis tanah, keadaan iklim dan juga cuaca.